

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG**  
**KAWASAN : WANGSA MAJU**  
**TARIKH : 4.4.2016 (Isnin)**  
**NO. SOALAN : 513**

**YB TIAN CHUA** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kesan-kesan negatif sekiranya TPPA dilaksanakan di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia menyertai TPPA kerana Kerajaan percaya bahawa perjanjian ini akan memberi manfaat dan kesan positif kepada negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar bahawa TPPA juga akan membawa cabaran dan kos tertentu kepada negara.

TPPA adalah suatu perjanjian komprehensif dan berstandard tinggi. Terdapat peruntukan-peruntukan dalam bab-bab tertentu khususnya Bab Buruh, Bab Harta Intelek dan Bab Alam Sekitar yang memerlukan Malaysia untuk melakukan pindaan terhadap undang-undang dan peraturan sedia ada serta memperkemas penguatkuasaan undang-undang dan peraturan tersebut selaras dengan komitmen Malaysia dalam TPPA.

Walaupun perubahan dan penambahbaikan yang perlu dilakukan ini dijangka akan melibatkan cabaran kepada pihak Kerajaan, namun kerajaan percaya dalam jangka masa panjang perubahan ini akan memperbaiki aspek tadbir urus, terutama dari segi piawaian yang lebih tinggi bagi memelihara kebajikan buruh serta memantapkan pemeliharaan alam sekitar.

Bagi pihak industri pula, syarikat-syarikat tempatan perlu meningkatkan produktiviti, inovasi dan kualiti produk untuk bersaing di pasaran domestik dan global. Melalui pembukaan pasaran dan pengurangan duti import dalam perjanjian perdagangan bebas seperti TPPA, produk-produk import dijangka akan memberi saingan kepada produk-produk keluaran tempatan. Bagi memastikan daya saing produk eksport pula, produk-produk yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat tempatan perlu mencapai dan mematuhi piawaian tertentu agar menjadi lebih kompetitif di pasaran global.

Sebagai salah sebuah negara anggota TPPA, segala undang-undang dan peraturan yang berkaitan secara langsung dan tidak langsung dengan aktiviti perdagangan antarabangsa tidak boleh diwujudkan dengan sewenang-wenangnya. Malaysia perlu telus dan sebarang perubahan yang ingin dilakukan pada masa hadapan perlulah tidak bercanggah dengan komitmen Malaysia dalam perjanjian ini.

Tuan Yang Dipertua,

Menyedari cabaran yang menanti, pelbagai mekanisme telah dirundingkan untuk membantu Malaysia supaya lebih berdaya saing bukan sahaja dari segi akses pasaran, tetapi juga bersaing dalam bidang teknologi pembuatan. Sebagai contoh, dalam surat sampingan automotif yang ditandatangani dengan Amerika Syarikat dan Kanada, kedua-dua negara-negara telah membuat komitmen untuk menyediakan program bina kapasiti kepada industri automotif Malaysia.

Bagi memastikan PKS dapat meraih faedah dari TPPA, Kerajaan juga akan terus menekankan pelaksanaan program bina kapasiti. Antara program-program yang akan dapat membantu PKS memperoleh faedah dari TPP, termasuk:

- Business Accelerator Program, yang akan memberi bimbingan bersepadu bagi mengukuhkan teras perniagaan membina kapasiti dan keupayaan, dan memudahkan akses kepada pembiayaan.

- SCORE - alat diagnostik yang digunakan untuk menilai dan meningkatkan daya saing PKS berdasarkan prestasi dan kemampuan Fungsi.
- SME Financing Scheme (SSFS) (Skim Pembiayaan PKS Patuh Syariah)
- Soft Loan for SMEs oleh MIDF dengan faedah 4% *per annum* (at *yearly rest basis*)

Sementara itu, kita juga akan menyaksikan kerjasama pelbagai agensi seperti SME Bank, Export-Import Bank of Malaysia Bhd (EXIM Bank), SME Corporation Malaysia dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) bagi membantu pengeksport dari segi sokongan kewangan serta mengurangkan risiko berpotensi. Program bantuan dilaksanakan secara berterusan dan bersepadu bagi memastikan hasil yang berimpak tinggi.

Tuan Yang Dipertua,

Mengikut kajian kos faedah oleh PricewaterhouseCoopers (PwC) adalah dijangkakan bahawa penyertaan Malaysia dalam TPPA membawa manfaat kepada ekonomi dengan peningkatan dalam pertumbuhan KDNK sebanyak USD107-211 bilion sepanjang 2018-2027, pertambahan pelaburan sebanyak USD136-239 bilion serta pertumbuhan eksport sebanyak 0.54-0.90 peratus dan peningkatan import sebanyak 0.65-1.17 peratus pada tahun 2027. Di samping itu, TPPA juga dijangka mewujudkan sebanyak 1 hingga 2 juta peluang pekerjaan tambahan menjelang 2027.

Antara sektor yang dijangka akan mendapat manfaat dari akses pasaran adalah perniagaan yang berorientasikan eksport seperti tekstil, komponen automotif serta elektrik dan elektronik.

Perlu ditekankan penyertaan ke TPPA terbentuk atas pertimbangan ekonomi secara menyeluruh untuk memperoleh peluang pasaran yang lebih baik. Dalam konteks TPPA, ia terutamanya merujuk kepada 4 negara FTA baharu, iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Peru dan Mexico. Bagi sesetengah produk seperti barangan E&E, panel solar, tekstil, produk getah dan sawit, Malaysia akan memperoleh akses pasaran yang lebih kompetitif dengan duti yang dimansuhkan apabila TPPA berkuat kuasa.

Di samping itu, ingin ditekankan bahawa FTA seperti TPPA memainkan peranan sebagai 'enabling factor' bagi membuka akses pasaran yang lebih luas. Ini akan memperkukuhkan Malaysia sebagai hub pembuatan dan perkhidmatan yang menarik bukan sahaja kepada pelabur TPP, tetapi juga kepada pelabur yang lain kerana inginkan akses pasaran TPP.

Sekian, terima kasih.